

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE  
(PETALING JAYA UTARA)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 16.03.2015**

**Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [ PETALING JAYA UTARA ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan wang sebanyak RM3.81 bilion daripada *SRC International* telah dilaburkan di luar Malaysia di negara mana dan dengan siapa, seperti yang tercatat dalam penyata kewangan syarikat bertarikh 31 Mac 2014 dan apakah corak pelaburan tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Dana SRC International Sdn Bhd telah dilaburkan di dalam dan di luar

negara. Pelaburan-pelaburan tersebut adalah di dalam sektor sumber asli dan batu-bara. SRC International Sdn Bhd melakukan pelaburan secara langsung dan juga melalui syarikat usahasama dengan rakan niaga dana pelaburan antarabangsa berdasarkan perjanjian pelaburan usahasama. SRC International Sdn Bhd akan menilai cadangan-cadangan pelaburan mengikut mandat SRC sebagai sebuah syarikat strategik yang berpandangan jauh.